

| | | | |
|-------------|---|-------------|--------------------|
| Headline | GLC perlu lebih bertanggungjawab perkara Melayu | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 05 Nov 2013 | Language | Malay |
| Circulation | 173,387 | Readership | 699,000 |
| Section | Dlm Negeri | Color | Black/white |
| Page No | 5 | ArticleSize | 84 cm ² |
| AdValue | RM 1,095 | PR Value | RM 3,284 |
| | | | |



GLC perlu lebih bertanggungjawab perkara Melayu

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Syarikat milik kerajaan (GLC) disarankan lebih bertanggungjawab terutamanya dalam membimbing syarikat Melayu serta pekerja Melayu, sekali gus melonjakkan taraf ekonomi mereka.

Pensyarah Fakulti Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), **Prof. Datuk Amir Baharuddin** berkata, GLC seharusnya bersedia membantu kaum Melayu dan bukannya hanya memikirkan soal keuntungan sahaja.

"Ini merupakan satu tanggungjawab sosial yang berat dan mahu tidak mahu, mereka perlu lebih peka dalam memberi bantuan dalam meningkatkan taraf sosioekonomi orang Melayu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas dakwaan beberapa pihak kebelakangan ini bahawa GLC kurang memberi perhatian kepada syarikat serta pekerja berketurunan Melayu.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Perniagaan Kecil dan Sederhana, Universiti Kebangsaan Malaysia, **Prof. Dr. Mohd. Fauzi Mohd. Jani** berkata, GLC perlu lebih proaktif dalam memikul beban memperkasakan orang Melayu termasuk membantu syarikat milik kaum tersebut untuk terus berdaya saing.

Ujarnya lagi, dengan adanya GLC, platform itu dilihat dapat mempercepatkan tempoh kemajuan syarikat milik Melayu ini.